

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (AMPANG.HULU LANGAT)

TARIKH: 26 OGOS 2017

MUKA SURAT: 42

## Ragui ketelusan badan pengurusan

Penduduk mohon SPRM siasat akaun pengurusan sebuah pangsapuri di Ampang

AMPANG - Penduduk di sebuah pangsapuri di sini memohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat beberapa isu yang dipercayai membabitkan badan pengurusan pangsapuri berkenaan.

Pengerusi Persatuan Gerakan Sivil Malaysia, Jenice Lee berkata, penduduk mendakwa badan pengurusan pangsapuri berkenaan dipercayai memberi projek mengecat bangunan kepada sebuah syarikat tanpa tender terbuka.

"Pengurusan dikatakan tidak membuka tender tapi kemudian meminta setiap isi rumah membayar lebih daripada RM1,000 sebagai kos mengecat.

"Penduduk turut mendakwa pihak pengurusan mengadakan mesyuarat agung tahunan secara tidak rasmi kerana tiada sebarang notis yang sah serta tidak ada penyata ke-

wangan, malah pemilik kediaman turut mempersoalkan keputusan kenaikan yuran pengurusan sebanyak RM20," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun pihak pengurusan dipercayai turut melantik sebuah syarikat untuk mengutip yuran pengurusan.

"Pemilik syarikat itu sebagai 'perunding' kepada badan pengurusan pangsapuri dipercayai telah melantik firma audit miliknya. Kita mohon SPRM menyiasat isu ini agar tidak berlaku salah guna kuasa dan rasuah," katanya dalam satu kenyataan media di sini.



Jenice (tengah) bersama penduduk membuat laporan di pejabat SPRM Kuala Lumpur.